

Publication : **Berita Harian**  
Date : 25 January 2013  
Section : Bisnes  
Page : 3  
Headline : Hua Yang Rancang Projek RM1.52b

# Hua Yang rancang projek RM1.52b

» *Majukan hartanah bercampur 11.8 hektar di Puchong*

oleh **Che Wan Badrul Alias**  
chewan@bharian.com.my

**H**ua Yang Bhd merancang memajukan projek pembangunan hartanah bercampur seluas 11.8 hektar bernilai RM1.52 bilion di Puchong menjelang akhir 2014.

Ketua Kewangannya, May Chan, berkata projek itu akan dibangunkan di kawasan yang dibelinya daripada Mentari Hari Sdn Bhd pada harga RM158 juta baru-baru ini.

## **Usul diluluskan**

Katanya, pemegang saham syarikat itu sudah pun meluluskan usul pembelian tanah berkenaan pada mesyuarat agung luar biasa (EGM) kelmarin, dan pihaknya menjangkakan semua proses akan selesai sebelum berakhir tahun

kewangan semasanya.

“Kumpulan kini di peringkat perancangan memajukan projek hartanah bercampur di kawasan ini yang dijangka bernilai RM1.52 bilion.

“Kami akan terus meneroka peluang pengambil alih tanah berpotensi di sekitar Lembah Klang, Johor dan Perak untuk menambah jumlah simpanan tanah kami bagi pembangunan masa depan.

## **Lancar banyak projek**

“Dengan mengambil kira jumlah simpanan tanah syarikat yang mencecah nilai RM3.8 bilion, kami akan terus melancarkan lebih banyak projek baru di seluruh negara bagi menjaga prestasi kewangan yang kukuh,” katanya dalam kenyataannya di Kuala Lumpur.

Sementara itu, dalam suku kewangan ketiganya berakhir 31 Disember yang lalu, Hua Yang mencatatkan peningkatan keuntungan selepas cukai sebanyak 37 peratus kepada RM19.93 juta berbanding RM14.58 juta bagi tempoh yang sama tahun kewangan lalu.

Pendapatannya dalam tempoh itu meningkat 24



“*Projek itu akan dibangunkan di kawasan yang **dibeli daripada Mentari Hari Sdn Bhd** pada harga RM158 juta baru-baru ini.*”

**May Chan,**  
Ketua Kewangan  
Hua Yang Bhd

peratus kepada RM104.604 juta daripada RM84.251 juta.

Prestasi memberangsangkan itu disumbangkan kemajuan dalam pembinaan terutama projek apartmen servisnya di Lembah Klang serta projek lain di Johor Bahru dan Perak.